

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 15 TAHUN 2007

KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan berkaitan kemudahan Cuti Menjaga Anak kepada pegawai wanita Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bertujuan membolehkan pegawai wanita untuk menjaga dan menyusukan bayinya telah diperkenalkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 dan kaedah pelaksanaannya turut dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998. Selaras dengan hasrat untuk memperkukuhkan budaya masyarakat penyayang, Kerajaan telah bersetuju supaya kemudahan Cuti Menjaga Anak sedia ada ditambah baik.

PELAKSANAAN

3. Pegawai wanita yang melahirkan anak boleh dipertimbangkan kemudahan Cuti Menjaga Anak oleh Ketua Jabatannya sehingga 1,825 hari (5 tahun) sepanjang tempoh perkhidmatan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- i. kemudahan Cuti Menjaga Anak adalah merupakan kemudahan cuti tanpa gaji;
- ii. tempoh keseluruhan kemudahan Cuti Menjaga Anak tidak melebihi 1,825 hari (5 tahun);
- iii. kemudahan Cuti Menjaga Anak boleh diambil sama ada secara sekaligus sebanyak 1,825 hari (5 tahun) atau sebahagian daripadanya;
- iv. sekiranya pegawai menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak secara sekaligus, pegawai tidak layak mendapat kemudahan Cuti Menjaga Anak bagi kelahiran anak yang seterusnya;
- v. sekiranya pegawai menggunakan sebahagian daripada 1,825 hari (5 tahun) bagi satu kelahiran, baki Cuti Menjaga Anak boleh digunakan bagi kelahiran anak yang seterusnya;
- vi. kemudahan Cuti Menjaga Anak adalah mengikut tempoh yang telah diluluskan bagi kelahiran berkenaan. Sekiranya pegawai

ingin melanjutkan tempoh Cuti Menjaga Anak yang telah diluluskan, pegawai hendaklah mengemukakan permohonan kepada Ketua Jabatan sebelum tamatnya tempoh Cuti Menjaga Anak tersebut dengan syarat tempoh yang dipohon tidak terputus daripada tempoh yang telah diluluskan;

vii. tempoh kemudahan Cuti Menjaga Anak akan bermula pada tarikh selepas tamatnya tempoh Cuti Bersalin bagi pegawai yang menggunakan kemudahan Cuti Bersalin;

viii. tempoh kemudahan Cuti Menjaga Anak akan bermula pada tarikh pegawai melahirkan anak bagi pegawai yang telah menggunakan sepenuhnya kemudahan Cuti Bersalin;

ix. pegawai yang telah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998 adalah tertakluk kepada peraturan seperti berikut:

“kelayakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang telah digunakan sebelum ini hendaklah ditolak daripada jumlah kelayakan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini seperti Contoh di **Lampiran A**”.

x. permohonan untuk meminda tempoh kemudahan Cuti Menjaga Anak hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan 30 hari sebelum tarikh Cuti Menjaga Anak yang telah diluluskan tamat.

4. Pegawai yang menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari dalam satu tahun kalendar layak dipertimbangkan pergerakan gaji

secara isyarat, tertakluk kepada maksimum sebanyak 3 kali pergerakan gaji secara isyarat bagi sepanjang tempoh perkhidmatan.

5. Permohonan untuk menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak hendaklah dikemukakan berserta dengan satu perakuan bersalin kepada Ketua Jabatan 30 hari sebelum tamatnya tempoh Cuti Bersalin.

6. Kelulusan Cuti Menjaga Anak di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah direkodkan dalam Rekod Kenyataan Perkhidmatan pegawai.

7. Kemudahan Cuti Menjaga Anak di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini tidak menjejaskan kelayakan pegawai bagi kemudahan Cuti Separuh Gaji di bawah peruntukan Perintah Am 13 dan 51 Bab C serta Cuti Tanpa Gaji di bawah peruntukan Perintah Am 14 dan 52 Bab C.

8. Penggunaan kemudahan Cuti Menjaga Anak semasa pegawai berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah diambil kira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

PINDAAN / PEMBATALAN

9. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka:

- i. kemudahan Cuti Menjaga Anak sebanyak 90 hari dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998 adalah dipinda kepada 1,825 hari (5 tahun) dan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini; dan
- ii. perenggan 58.1 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 adalah dibatalkan.


TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

3 September 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Lampiran A

Pengiraan Kelayakan Kemudahan Cuti Menjaga Anak Bagi Pegawai Yang Telah Menggunakan Kemudahan Cuti Menjaga Anak Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 Dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998

Contoh:

Pegawai telah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak sebanyak 3 kali dengan setiap kali sebanyak 90 hari sehingga 31 Ogos 2007. Sehubungan itu, kelayakan kemudahan Cuti Menjaga Anak bagi pegawai dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007 adalah seperti berikut:

Kelayakan kemudahan Cuti Menjaga Anak (hari) di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007	1,825 hari
(tolak) Kelayakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang telah digunakan sehingga 31 Ogos 2007	
90 hari x 3 kali	(270 hari)
Kelayakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang pegawai masih berkelayakan	1,555 hari